

Perkhidmatan Pembaca, Penggunaan Bahan-bahan Rujukan Malaysiana dan Keperluan Pembaca di Perpustakaan Undang-undang

oleh
Sharipah Hanon Bidin*

Abstract: *Reference service is one of the many services provided by the University of Malaya Law Library to its users. Owing to the special nature of Malaysian legal materials, readers often encounter difficulties in retrieving information, especially statutes, cases and articles published in journals. To assist retrieval, the Library indexes Malaysian Acts, Ordinances and subsidiary legislation, law reports and journals on cards. This article attempts to give the background and the usage of published and unpublished indexes.*

Tujuan perkhidmatan pembaca ialah membantu para pengguna perpustakaan mendapatkan bahan-bahan yang mengandungi maklumat yang diperlukan bagi tujuan pengajaran ataupun penyelidikan mereka. Sesuatu perkhidmatan yang diberikan kepada para pengguna perpustakaan pada kebiasaannya perlu mencapai suatu taraf kepuasan di mana bahan-bahan diperolehi daripada keseluruhan koleksi perpustakaan dengan kadar yang segera. Tetapi kadangkala ini tidak tercapai hanya dengan daya ingatan atau keseringan merujuk. Apa yang diperlukan ialah terdapatnya suatu sistem pencarian maklumat yang boleh membantu dalam usaha mendapat maklumat-maklumat tersebut. Suatu cara yang didapati berkesan ialah dengan mengindeks semua bahan-bahan yang diterima oleh perpustakaan terutamanya bahan-bahan terbitan berkala seperti Warta Kerajaan, majalah dan laporan perundangan.

Para pengguna Perpustakaan Undang-undang adalah terdiri daripada pensyarah dan pelajar-pelajar Fakulti Undang-undang selain dari pensyarah dan pelajar dari fakulti lain di Universiti ini. Di samping pengguna-pengguna dalam kampus, perpustakaan juga digunakan sebagai koleksi rujukan oleh para peguam dan pegawai-pegawai kerajaan dan badan berkanun yang profesyen mereka berkaitan dengan bidang perundangan.

Bagi para pembaca 'dalaman' mungkin kerana seringkali merujuk kepada bahan-bahan di dalam koleksi perpustakaan jarang sekali meminta bantuan perkhidmatan pembaca dan tidak begitu sering me-

rujuk kepada kad-kad indeks atau bahan-bahan rujukan yang berupa indeks. Mereka yang datang meminta perkhidmatan pustakawan adalah terdiri dari mereka yang mendaftar sebagai ahli luar; dan ini tidaklah dapat dinafikan kerana mereka tidak dapat menentukan di manakah susunan bahan-bahan yang diperlukan malahan susunan sesuatu koleksi adalah berbeza dari satu perpustakaan dengan yang lain. Artikel ini tidak akan menyentuh tentang urutan/susunan atau bagaimana mengkelaskan bahan/koleksi undang-undang. Penulisan ini hanya ditumpukan kepada indeks bahan-bahan berkala Malaysiana, dengan sedikit rujukan kepada bahan rujukan yang telah diterbitkan.

Koleksi Perundangan Malaysiana

Statut merupakan sumber utama koleksi perundangan di samping laporan undang-undang. Kedua-dua sumber ini adalah sebenarnya bahan rujukan yang terpenting. Sumber kedua/sampingan ialah majalah perundangan, buku-buku teks, bahan-bahan audio-visual, mikrofom, kertaskerja persidangan dan seminar serta kertas-kertas projek, tesis atau dissripsi.

Statut

Statut Malaysia adalah terdiri dari Akta-akta, Ordinan dan Perundangan Kecil bagi Persekutuan, dan juga Enakmen, Ordinan dan Perundangan kecil bagi ketigabelas negeri-negeri di Malaysia. Kesemua ini dicetak oleh Jabatan Cetak Kerajaan di dalam Warta Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri. Artikel 'Mengindeks Warta Kerajaan' oleh Nooraini

*Pegawai Perpustakaan, Perpustakaan Undang-undang.

Ismail yang telah diterbit di dalam *Kekal Abadi*, Jil. 2, bil. 4 (Dis., 1983) menerangkan lebih lanjut tentang Warta Kerajaan, begitu juga dalam artikel oleh Shaikha Zakaria, 'Legal documentation and information retrieval in Malaysia', *Malayan Law Journal*, 1979 (2), cxlvii-cli.

Bahan rujukan bagi statut yang telah diterbitkan setakat ini dan terdapat dalam koleksi Perpustakaan Undang-undang adalah sangat terhad. Indeks perundangan yang terawal bagi negara ini ialah *Kyshe's Index to the Law of the Straits Settlement* yang diterbitkan dalam 2 jilid pada 1882 dan 1883. Berikutnya beberapa indeks lagi telah diterbitkan bagi merangkumi tahun-tahun yang terkemudian. Indeks

itu, indeks tersebut masih belum lengkap kerana tidak memasukkan maklumat-maklumat yang penting seperti tarikh kuatkuasa, atau seksyen akta yang dipinda ataupun akta yang dimansuhkan, seperti yang terdapat di dalam kad-kad indeks di Perpustakaan Undang-undang [Contoh].

Usaha mengindeks Warta Kerajaan ini masih diteruskan. Hasil dari proses mengindeks ini, Perpustakaan menerbitkan *Senarai Undang-undang Malaysia dan Singapura* yang dikeluarkan secara bulanan. Sehingga kini semua keluaran senarai telah dijilid dan merupakan bahan rujukan yang penting. Senarai ini walau bagaimanapun lebih merupakan senarai semasa.

Contoh 1: Akta

Judul	Employment Act, 1955	Act 265	Nombor Akta
Tahun Semakan	(Revised – 1981)		
Tarikh Kuatkuasa	w.e.f. 18.2.82		
Pindaan-pindaan	Amendments		
	1. A610/84 – Amendment of Sec. 37 and 1st Sch. of Act. w.e.f. –		Pindaan seksyen
	Employment Ordinance 1955 (F.M. Ord. 38/1955) superseded.		Akta yang dimansuhkan

Contoh 2: Perundangan Kecil

Akta Utama (dan nombor)	Employment Act, 1955 (Act 265)	P.U.(A) 333/83	Bilangan Perundangan kecil
Tajuk	Employment Regulations, 1957.		
Tahun semakan	(Revised – 1983)	w.e.f. 15.9.83	Tarikh Kuatkuasa
Catatan	Revised Subsidiary Legislation No. 16. Supersedes L.N. 226/1957		

yang sering dirujuk adalah *General index of Acts, Enactments, Ordinances, etc.*, yang mengandungi senarai Akta-akta, ordinan, enakmen termasuk pindaan-pindaan mengikut kronologi dan senarai mengikut abjad. Senarai semasa ini telah disemak mengandungi akta yang berkuatkuasa sehingga 30/4/83; disusun oleh S. Sivaswamy. Namun be-

Kad-kad indeks yang difaiklan di laci katalog mengikut susunan berabjad mengandungi butiran semua akta-akta dan ordinan termasuk pindaan-pindaan yang berkuatkuasa samada di peringkat Persekutuan atau Negeri-negeri. Perundangan kecil Persekutuan dan Negeri juga diindeks untuk kemudahan para pembaca. Tetapi memandangkan usaha mengindeks ini

bermula dari 1975 sahaja, maka agak sukar mencari maklumat yang lebih awal. Pada masa ini usaha mengindeks kebelakangan statut pra 1975 sedang dilakukan dan pihak perpustakaan menjangkakan dapat melengkapkan indeks ini meliputi masa sebelum 1957. Proses mengindeks statut ini diharapkan akan menghasilkan suatu penerbitan yang lengkap kemudiannya.

Bagi perundangan Singapura boleh dirujuk kepada *Tables of Written Laws of Singapore, 1819–1977* disusun oleh Elizabeth Srinivasagam diterbitkan oleh Malaya Law Review, University of Singapore, Singapore, 1972 dan *Tables of Written Laws of the Republic* dedit oleh Molly Cheang, diterbitkan oleh Malaya Law Review, University of Singapore, 1982. Senarai ini dibahagi kepada 2 bahagian yang masih berkuatkuasa (sehingga 1 Julai 1982).

- I. Alphabetical index to unrepealed Acts and Ordinances.
- II. Index to unrevoked subsidiary legislation.

Laporan Undang-undang

Laporan Undang-undang adalah laporan kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi di Malaysia. Ianya adalah sumber utama selain dari statut dan perundangan dan jumlah naskahnya melebihi jumlah statut. Keperluan merujuk kepada kes-kes adalah menjadi lebih penting memandangkan terdapat kaitan antara keputusan-keputusan lepas dengan undang-undang yang diamalkan.

Indeks kepada laporan perundangan Malaysiana yang diterbitkan oleh Malaysian Law Publishers, Kuala Lumpur pada 1984 walaupun tidak menyeluruh, sangat berfaedah kepada perkhidmatan pembaca di Perpustakaan Undang-undang, berjudul *Malaysia & Singapore Cases – Citation 1966–1982* oleh Hamid Ibrahim & Nasser Hamid. Indeks ini dibahagi kepada 2 bahagian;

- I. Senarai kes-kes dengan susunan nama berabjad.
- II. Senarai kes mengikut perkara.

Walaupun laporan perundangan yang meliputi kes-kes mahkamah di Malaysia & Singapura diterbitkan oleh Malayan Law Journal sejak 1932 lagi, namun masih belum ada indeks yang merangkumi kes-kes bagi jangka masa tersebut hingga kini. Projek untuk indeks semikian walau bagaimanapun sedang diusahakan oleh Datin Shaikha Zakaria, bekas Pustakawan Undang-undang; dan akan diterbitkan tidak lama lagi, meliputi tahun-tahun 1932–1983.

Indeks bagi kes-kes yang lebih awal terkandung di dalam *Mallal's Digest of Malaysian and Singapore Case Law* oleh Bashir Mallal, edisi ke-3, Singapore,

Malayan Law Journal, telah terbit dalam 4 jilid adalah merangkumi jangka masa dari 1808–1976. Jilid-jilid dibahagikan mengikut perkara; Jilid I–III, terbit antara 1967–1969 & Jilid IV pada 1978 adalah dedit oleh Profesor Ahmad Ibrahim.

Rujukan yang lain bagi laporan perundangan, antaranya *Digest of Cases, 1808–1911* oleh Pallonjee, *Digest of Reported Cases 1897–1925* oleh McCabe Realy, *Federated Malay States Digest* oleh H.C. Willan, *Malayan Digest 1807–1936* oleh Withers Payne.

Kad-kad indeks yang terdapat di Perpustakaan Undang-undang pula adalah merupakan indeks kepada kes-kes dari laporan perundangan bagi *Malayan Law Journal*, *Malaysian Current Law Journal* dan *Jurnal Hukum*. Indeks kes-kes yang dilaporkan di dalam *Malayan Law Journal*, dan *Malaysian Current Law Journal* adalah dibahagi kepada 2 bahagian – mengikut nama kes dan perkara. *Jurnal Hukum* walaupun masih baru keluarannya melaporkan kes-kes Mahkamah Syariah dan perlu diindeks untuk rujukan para pembaca. Selain dari itu indeks kepada kes-kes Mahkamah kini *Digest of Current Malaysian Judgment* juga telah dicetak. Indeks ini adalah bagi kes-kes perbicaraan yang belum lagi dilaporkan di mana-mana penerbitan pun. Indeks ini dikeluarkan oleh Fakulti Undang-undang dan salinan kes-kes tersebut disimpan di Perpustakaan.

Indeks kepada *Industrial Court Awards (Award Mahkamah Perusahaan)* pula adalah dari tahun 1967 dan difaiklan mengikut susunan bilangan award/tahun dan juga nama. Walaubagaimanapun, laporan ini telah pun diterbitkan berjudul *Malaysian Labour Law Reports, 1965–1972* mengandungi award yang telah diputuskan oleh Industrial Arbitration Tribunal dan Mahkamah Perusahaan juga keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah Persekutuan yang berkaitan dengan perhubungan perusahaan. Penerbitan tersebut diusahakan oleh Pendaftar, Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kuala Lumpur. Satu lagi laporan yang masih dalam bentuk mimeograph ialah laporan kes-kes *Tribunal Perkhidmatan Awam* dari tahun 1978 hingga kini. Ianya walaupun tidak diindeks lagi, adalah laporan yang penting. Empat penerbitan yang penting sebagai rujukan bagi kes-kes Mahkamah Perusahaan ialah:

- I. ANG, Linda Poh Geok, and John R. Gurusamy, comp., *Citations of Industrial Court 1965 – July 1976*. Kuala Lumpur [n.p., 1976].
- II. AYADURAI, Dunston, *Awards of Malaysian Labour Arbitration Courts and Tribunals, 1965–1975*. Ph. D. thesis, University of Malaya, 1982.

- III. JEYASEGARAM, David Gerald and R. Theyvendram, *Industrial Arbitration Court Awards Digest (1960–1979)*. Singapore, The Authors, 1980.
- IV. SNG, Yoke Fong, (ed.), 'An Index to the Awards Published in the Singapore Government Gazette Industrial Relation Supplements,' 1960–1970, compiled by the Staff of Law Library, University of Singapore. Singapore. *Malayan Law Journal*, 1978.

Jurnal

Jurnal merupakan sumber kedua bagi koleksi perundangan, mengandungi makalah-makalah yang berkaitan dengan perkara-perkara tertentu dalam bidang perundangan.

Di dalam koleksi Perpustakaan Undang-undang terdapat sembilan tajuk jurnal perundangan Malaysiana yang diterbitkan dan jika dibandingkan dengan keseluruhan tajuk jurnal di Perpustakaan Undang-undang adalah sangat sedikit. Berikut ialah tajuk-tajuk yang terdapat dalam Koleksi Malaysiana:

1. ADIL/Keadilan, Jurnal Persatuan Pegawai-pejawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (Judicial and Legal Service Officers Association) mula diterbitkan pada 1980 (dengan keluaran khas).
2. INSAF, Journal of the Malaysian Bar, mula diterbitkan pada 1976, oleh Bar Council, Kuala Lumpur.
3. *Jurnal Hukum*, diterbitkan oleh Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur; mulai Jil. 1 [1401H]/1980–81.
4. *Jurnal Undang-undang* (Journal of Malaysian and Comparative Law) diterbitkan oleh Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, mulai v.1, 1974–
5. *Malaya Law Review* diterbitkan oleh Faculty of Law, National University of Singapore, mulai v. 1, 1959–
6. *Malaysian Tax Journal* diterbitkan oleh Inland Revenue Officers Union (IROU) Peninsular Malaysia; mulai dengan keluaran khas 1974 dan dikeluarkan 2 isi setahun, Jan/Jun., 1975–
7. *Survey of Malaysian Law*, diterbitkan oleh Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, dari tahun 1977.
8. *The Summons*, diterbitkan oleh The Advocate Association of Sarawak, pada tahun 1981.
9. *The WRIT*, Journal of the Sabah Law Association, mulai penerbitan, v. 1, 1978–

Malayan Law Journal walaupun lebih terkenal ke-

rama laporan kes-kes mahkamah juga mengandungi artikel-artikel yang merangkumi bidang perundangan. Begitu juga dengan *Malaysian Current Law Journal* (terbitan Malaysian Law Publishers, Kuala Lumpur).

Setakat ini artikel-artikel dalam jurnal-jurnal tersebut belum lagi diindeks dengan sewajarnya. Hanya satu penerbitan berjudul *A Guide to Malaysian & Singaporean Legal Periodicals* oleh Siti Hanifah Mustapha diterbitkan oleh Malaysian Law Publishers, Kuala Lumpur, 1982; yang mengindeks artikel-artikel yang terdapat di dalam *Malayan Law Journal*, *Malaya Law Review* dan *Jurnal Undang-undang* (Journal of Malaysian and Comparative Law) dari jilid 1 hingga bulan Disember 1979 sahaja. Panduan ini membuat pembahagian mengikut perkara dan susunan berabjad bagi pengarang/judul.

Fakulti Undang-undang, Universiti Singapura juga telah menerbitkan *Malaya Law Review Index to volumes 1–21*, disusun oleh Sng Yoke Fong (Pustakawan Undang-undang Universiti tersebut), pada tahun 1981. Bagi penerbitan tahun-tahun selanjutnya, Perpustakaan Undang-undang telah mengindeks artikel-artikel *Malaya Law Review* atas kad-kad katalog dan difailkan mengikut abjad pengarang/judul. Indeks yang tersebut di atas sering digunakan oleh pembaca oleh kerana penyusun telah menyusun indeks mengikut pengarang dan juga perkara; selain dari senarai kes-kes dan statut yang berkaitan. Usaha mengindeks di Perpustakaan Undang-undang dibuat tanpa penganalisaan perkara memandangkan pihak *Malaya Law Review* ada menerbitkan indeks yang sedemikian.

Index to Foreign Legal Periodicals dan *Index to Commonwealth Legal Periodicals* juga ada menyenaraikan artikel-artikel yang terkandung di dalam *Malaya Law Review* dan *Malayan Law Journal*. Artikel-artikel daripada *Insaf*, *Jurnal Hukum* dan *Jurnal Undang-undang* juga disenaraikan di dalam *Indeks Majalah Malaysia*, terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.

Indeks kepada jurnal-jurnal selain dari yang telah diterbitkan, ada diindeks di Perpustakaan ini di atas kad-kad katalog. Oleh kerana proses mengindeks dibuat apabila jurnal diterima, maka pengguna-pengguna perpustakaan mendapat faedah dari merujuk kepada kad-kad tersebut yang mengandungi maklumat-maklumat yang terkini dan semasa.

Lain-lain

Projek mengindeks kertas-kertas kerja persidangan/seminar/bengkel bidang perundangan sedang diusahakan, begitu juga Perbahasan Parlimen dan senarai kertas-kertas projek, yang kesemua ini adalah berfa-

dah kepada pembaca memandangkan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam bahan-bahan tersebut tidak diterbitkan. Usaha ini diharap dapat membantu pembaca dalam penyediaan bahan untuk menuis artikel atau pun tujuan penyelidikan dan pengajaran.

Masalah

Walaupun tujuan perkhidmatan pembaca adalah berkait rapat dengan keperluan pembaca dan proses mengindeks, masalah yang perlu diatasi ialah bagaimana cara mendidik pembaca supaya menggunakan sumber rujukan yang tersedia atau yang telah diterbitkan.

Pembaca seringkali ingin merujuk kepada bahan-bahan perundangan tanpa mempunyai senarai sumber yang tepat. Mereka samada terus bertanya di bahagian perkhidmatan pembaca/rujukan atau membuat 'browsing' di stak-stak.

Pendekatan cara sedemikian sangat menyulitkan mungkin secara tidak langsung melewatkannya kerja-kerja penyelidikan/rujukan. Panduan yang tepat adalah dengan menggunakan kad-kad indeks ataupun indeks yang telah diterbitkan.

Pertanyaan-pertanyaan yang sering dimajukan ingin tahu samada perpustakaan ada menyimpan sesuatu akta, samada akta-akta telah dipinda, tarikh berkuatkuasa, pemansuhan seksyen dll. Tanpa

mengetahui nombor atau nama akta, tentulah maklumat yang diperlukan tidak diperolehi. Untuk tujuan itu, kad-kad indeks bagi statut Malaysia dapat membantu; oleh kerana maklumat yang selengkapnya dicantik di dalam kad-kad tersebut.

Masalah mencari maklumat mengikut cara sistematis boleh diatasi melalui rancangan pendidikan pembaca. Cara pelajar-pelajar baru diberi penerangan ringkas mengenai perpustakaan di minggu pertama mereka di Universiti melalui 'Haluan Perpustakaan' tidak berkesan. Rancangan pendidikan pembaca perlu lebih menekankan cara menggunakan bahan-bahan rujukan dan katalog termasuk indeks dengan sistematis (terutama kepada pelajar tahun 3 yang menyediakan kertas projek).

Rujukan

1. Dane, Jean and Philip A Thomas, *How to Use a Law Library*. London Sweet and Maxwell, 1979.
2. Mallal, Bashir A., 'Law and law reporting in Malaya', *University of Malaya Law Review*, Vol. 1, No. 1 (July 1969), pp. 71-86.
3. Moys, Elicebeth M. (ed.), *Manual of Librarianship: the Use and Organization of Legal Literature*. London: Andre Deutsch, 1976.
4. Zakaria, Shaikha, 'Legal documentation and information retrieval in Malaysia', *Malayan Law Journal*, 1979 (2), pp. cxlvii-cli.